

Nama: \_\_\_\_\_

Kelas : \_\_\_\_\_

**SULIT**  
**Bahasa Melayu**  
**Kertas 1**  
**Set 1**  
**1 Jam**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**  
**PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2002**

**Bahasa Melayu**  
Kertas 1  
Satu jam tiga puluh minit

**Arahan Am:**

1. *Jawab satu soalan saja.*

Kertas soalan ini mempunyai enam soalan. Jawab **satu** soalan saja. Jawapan hendaklah **melebihi 350** patah kata.

### Soalan 1

Andaikan anda selaku Setiausaha Kelab Majalah sekolah. Baru-baru ini kelab anda telah mengadakan mesyuarat ahli jawatankuasa kali pertama. Tulis minit mesyuarat berkenaan selengkapnya.

### Soalan 2

Anda merupakan salah seorang peserta ekspedisi mendaki gunung anjuran Kelab Kembara sekolah. Ceritakan pengalaman anda.

### Soalan 3

Jenayah di kalangan remaja semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini. Bincangkan sebab dan langkah-langkah wajar bagi mengatasi masalah ini.

### Soalan 4

Gejala pembuangan bayi dapat diatasi sekiranya pendidikan seks diajarkan di sekolah. Tulis pendapat anda.

### Soalan 5

Pusat-pusat hiburan turut membantu meningkatkan gejala sosial di kalangan remaja. Bahaskan pernyataan tersebut.

### Soalan 6

Rakan anda telah memenangi peraduan menulis cerpen anjuran majalah sekolah. Selaku editor majalah, anda ditugaskan mengedit dan baru sahaja membaca cerpen tersebut. Anda mendapati bahawa cerpen tersebut layak untuk memenangi hadiah pertama kerana banyak memiliki keistimewaan. Tulis suatu ulasan berkenaan cerpen tersebut.

*ihsan daripada Info-Didik Sdn. Bhd.*



## KERTAS SOALAN TAMAT

## JAWAPAN KERTAS MODEL: SET 1/2002

### Soalan 1

- Pendahuluan**
- Tulis tajuk, tarikh, masa, dan tempat mesyuarat
  - Selang sebaris – bina satu garisan lurus melintang diikuti dengan garisan berikutnya untuk ruangan Agenda, Butiran, dan Tindakan
- Isi**
- nomborkan setiap agenda mesyuarat – contohnya:  
*Agenda 1.0 Ucapan Pengerusi*  
Butiran 1.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih atas kehadiran semua ahli jawatankuasa yang hadir
  - *Agenda 2.0 Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Bahagian*  
Butiran 2.1 Bahagian Pengambilan Gambar  
Butiran 2.2 Bahagian Karya Bahasa Melayu  
Butiran 2.3 Bahagian Karya Bahasa Inggeris, Cina dan Tamil  
Butiran 2.4 Bahagian Karya Seni Lukis
  - *Agenda 3.0 Rancangan/Aktiviti Tambahan*  
Butiran 3.1 Cadangan agar diadakan lawatan ke FINAS, RTM, TV3 atau Percetakan Negara Malaysia – Cadangan disokong oleh semua ahli jawatankuasa
  - *Agenda 4.0 Hal-hal lain*  
Butiran 4.1 Semua karya hasil sesuatu pertandingan mestilah diserahkan kepada setiausaha sebelum 20 Oktober tahun ini.
- Penutup**
- pengakuan pelapor, tandatangan, nama dan jawatan pelapor, nama kelab serta alamat penuh sekolah

### Soalan 2

- Pendahuluan**
- latihan pendakian telah tamat – hari memulakan ekspedisi telah tiba
- Isi**
- Pengetua merasmikan ekspedisi mendaki Gunung Tahan – melibatkan 30 puluh orang peserta dan lima orang guru
  - dalam perjalanan tayar bas meletup – tiada sesiapa yang cedera – tayar diganti – perjalanan diteruskan
  - tiba di kaki Gunung Tahan pada pukul 6.00 petang – bermalam di rumah rehat
  - keesokan pagi ekspedisi dimulakan – dibantu oleh seorang penunjuk jalan
  - keindahan dan kehijauan alam semula jadi memukau ahi ekspedisi – bertemu dengan pelbagai spesies hidupan liar – pelbagai rintangan berjaya dihadapi – tiba di suatu kawasan lapang berdekatan dengan air terjun

- mendirikan khemah – membersihkan badan – memasak makanan – bermalam
- pendakian diteruskan keesokan paginya – berjaya sampai di puncak gunung kira-kira jam sebelas pagi
- setelah puas menikmati keindahan di puncak gunung, kami memulakan perjalanan pulang – selamat tiba di kaki gunung

**Penutup**

- berasa sungguh seronok – ingin mengikuti ekspedisi seperti itu pada masa akan datang

**Soalan 3**

**Pendahuluan**

- jenayah di kalangan remaja semakin membimbangkan – punca masalah ini perlu dikenal pasti dan langkah mengatasinya perlu dilakukan segera

**Isi**

**Punca Jenayah di Kalangan Remaja**

- remaja mudah terikut-ikut – aksi jenayah banyak disiarkan di media massa – pengaruh televisyen dan filem
- mencari wang dengan jalan mudah – mencuri, memeras ugut, mengedar dadah dan sebagainya
- remaja diperalatkan oleh sindiket haram – disuruh melakukan kegiatan jenayah untuk kepentingan mereka
- pusat-pusat hiburan yang beroperasi secara tidak terkawal – menggalakkan remaja berpeleseran dan akhirnya terlibat dengan kegiatan jenayah

**Langkah-langkah Mengatasi**

- mewujudkan kempen kesedaran kepada remaja tentang jenayah juvana dan hukumannya
- rondaan dan pemantauan pihak berkuasa dipertingkatkan
- ibu bapa perlu memberikan didikan agama yang secukupnya
- mengawal siaran media agar tidak terlalu menonjolkan aksi ganas, jenayah, seks dan sebagainya

**Penutup**

- kerjasama daripada orang ramai amat penting – kadar jenayah di kalangan remaja boleh dikurangkan

**Soalan 4**

**Pendahuluan**

- masalah pembuangan bayi membimbangkan semua pihak – menggambarkan keruntuhan moral, kepincangan sistem sosial, tiada pengetahuan tentang seks – perlu diatasi segera

**Isi**

- pendidikan seks patut diajar di sekolah – mendapat gambaran jelas akan proses pembiakan dan kejadian manusia
- para pelajar yang sudah belajar akan bersedia menghadapi perubahan peribadi secara drastik – naluri seks semula jadi, konflik atau krisis identiti
- menambah ilmu tentang anatomi, kedudukan, fungsi organ, penjagaan, pemakanan dan sebagainya – menghargai zuriat

- dan anugerah Tuhan
- aga juga keburukannya apabila pelajar didedahkan dengan hal-hal seks secara mendalam – mahu mencuba akibat rasa ingin tahu – berlaku gejala seks bebas
- tiada rasa bimbang – sudah mempelajarinya di sekolah – boleh mencegah daripada hamil
- fenomena buang bayi perlu diatsi segera – pendidikan seks boleh diajarkan di sekolah sebagai langkah percubaan – namun begitu kajian mendalam perlu dilakukan terlebih dahulu

### Soalan 5

- Pendahuluan** - bersetuju dengan pernyataan tersebut – kebejatan sosial di kalangan remaja semakin menjadi-jadi lebih-lebih lagi bagi remaja yang mengunjungi pusat-pusat hiburan
- Isi** - pusat-pusat hiburan tempat bermulanya maksiat – pergaulan bebas, bersuka ria, minum arak, penagmbilan pil khayal dan dadah
- para remaja memberontak apabila pergerakan mereka dibatasi – keluar hingga lewat malam
- kes rogol dan seks bebas meningkat – remaja pulang malam dalam keadaan mabuk dan khayal – pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan
- bergaul dengan remaja bermotosikal – meronda dan berlumba haram – mengancam nyawa
- Penutup** - pusat hiburan diibaratkan pemangkin bertambahnya gejala sosial – ada baiknya pusat hiburan dikurangkan atau kegiatannya dipantau sentiasa

### Soalan 6

- Pendahuluan** - judul cerpen, nama pengarang, dan nama pengulas
- Isi** - nyatakan latar belakang penulis secara ringkas
- jelaskan nama hadiah yang dimenangi dan jenis hadiah yang diterima
- kemukakan beberapa keistimewaan yang anda temukan dalam cerpennya
- kemukakan sinopsis ringkas cerpen tersebut
- sentuh beberapa kekuatan penulis itu seperti gaya bahasanya
- nyatakan mesej dan pengajaran yang diperoleh
- Penutup** - tidak hairanlah para panel pertandingan memilih cerpen itu sebagai pemenang pertama – banyak kelebihan dan keistimewaannya